

28 JAN 1999

Mohtar-suruhanjaya

PEGUAM NEGARA TIMBANG KETERANGAN DUA PASUKAN PENYIASAT

KUALA LUMPUR, 28 Jan (Bernama) -- Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah berkata beliau akan menimbang keterangan daripada dua pasukan yang menyiasat aduan bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berhubung kecederaan yang dialaminya ketika dalam tahanan polis.

Ketika menyambut baik penubuhan Suruhanjaya Penyiasat bagi menyiasat aduan itu, Mohtar berkata: "Sebagai Pendakwa Raya, saya akan menimbang keterangan yang dikemukakan oleh suruhanjaya ini dan oleh pasukan siasatan khas polis untuk menentukan sama ada terdapat keterangan prima facie untuk mewajarkan tindakan mendakwa sesiapa bagi sebarang kesalahan mengikut undang-undang yang berkenaan."

Dalam kenyataan akhbar tiga perenggan hari ini, beliau juga berkata seperti yang dijelaskannya dalam kenyataan pada 5 Jan 1999 lepas, beliau telah mengarahkan pasukan siasatan khas polis supaya menyiapkan siasatannya dengan mengambil keterangan daripada doktor-doktor dan pegawai-pegawai kanan polis, yang keterangan mereka belum lagi diambil.

Sehingga ini, katanya, polis belum mengemukakan fail penyiasatan seperti yang diarah.

Dalam kenyataannya pada 5 Jan lepas, Mohtar berkata bahawa polis bertanggungjawab terhadap sebahagian daripada kecederaan Anwar ketika dalam tahanan polis.

Beliau tlah mengarahkan pasukan siasatan khas polis mengambil kenyataan daripada beberapa pegawai kanan polis termasuk Ketua Polis Negara ketika itu Tan Sri Abdul Rahim Noor.

Abdul Rahim meletak jawatan pada 8 Jan dengan berkata beliau memikul tanggungjawab berhubung dakwaan kononnya polis memukul Anwar.

Ekoran kenyataan Mohtar itu, terdapat saranan supaya sebuah badan bebas dibentuk bagi menyiasat aduan itu.

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan penubuhan suruhanjaya itu yang diketuai oleh bekas Ketua Hakim Malaya Tan Sri Anuar Zainal Abidin.

Anggota lain ialah bekas Hakim Mahkamah Rayuan Datuk Mahadev Shankar, pakar bedah dari Pantai Medical Centre Datuk Dr Yeoh Poh Hong dan bekas Peguam Negara Tan Sri Abu Talib Othman.

-- BERNAMA

AFY MAI